

Perkembangan Seni Rupa Di Malaysia: Tumpuan Kepada Elemen Kebudayaan

Nur Hasliza Abdulah*

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Penulis Koresponden

Email: lizaabdulah@uitm.edu.my

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: yuszaidy@ukm.edu.my

Diana Ibrahim*

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: diana240@uitm.edu.my

Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zin*

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: wan_ayuni@uitm.edu.my

Shahariah Mohamed Roshdi*

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: shahariahroshdi@uitm.edu.my

Tarikh Masuk: **08.07.2022**; Tarikh Diterima: **10.9.2022**; Tarikh Diterbit: **10.11.2022**

** Penulis ini terlibat sepenuhnya dalam artikel ini*

ABSTRAK

Penulisan yang berunsurkan kebudayaan banyak menjadi tumpuan oleh sarjana- sarjana yang lepas. Namun begitu, penulisan yang memfokuskan elemen kebudayaan dalam seni rupa kurang diberi perhatian. Unsur tersirat dalam sesebuah karya seni amat penting bagi masyarakat dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh seniman. Untuk memartabatkan dalam melestarikan kebudayaan, penulisan ini memfokuskan kepada elemen- elemen kebudayaan dalam seni rupa. Secara dasarnya pelaksanaan DKK1971 dilihat masih tidak berjaya dalam menyatukan kaum dan etnik yang pelbagai di Malaysia kerana beberapa faktor seperti salah tanggapan konsep ‘Islam dan Melayu’ itu sendiri sedangkan ia juga membawa makna *universal*. Objektif penulisan ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti elemen kebudayaan dalam seni rupa melalui tinjauan penulisan kertas kerja yang lepas dan objektif kedua adalah menentukan jurang kajian untuk dicadangkan sebagai isu baru bagi penyelidikan akan datang. Metodologi penulisan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif yang melihat hasil tinjauan penulisan kertas kerja yang lepas bagi mengenalpasti elemen kebudayaan dalam seni rupa. Penulisan ini juga memfokuskan kepada pengumpulan data melalui bacaan rapi, melihat kandungan teks dan membuat interpretasi. Hasil penemuan menunjukkan kebanyakan isu penyelidikan yang difokuskan adalah tentang penghasilan karya- karya yang berunsurkan tema persekitaran, motif- motif rekaan corak Melayu seperti batik, tekstil Melayu dan cara hidup masyarakat Melayu. Hanya beberapa penyelidikan sahaja yang menjurus kepada

penggunaan sastera lisan dalam seni rupa. Justeru, kajian seterusnya untuk diteliti adalah penggunaan unsur sastera lisan dalam seni visual yang patut diketengahkan dalam melestarikan kebudayaan Melayu.

Kata kunci: *Seni Rupa, Elemen, Kebudayaan*

The Development of Visual Art in Malaysia: Focus on Traditional Element

Nur Hasliza Abdulah*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Corresponding author

Email: lizaabdulah@uitm.edu.my

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: yuszaidy@ukm.edu.my

Diana Ibrahim*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: diana240@uitm.edu.my

Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zin*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: wan_ayuni@uitm.edu.my

Shahariah Mohamed Roshdi*

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Email: shahariahroshdi@uitm.edu.my

Received Date: **08.07.2022**; Accepted Date: **10.09.2022**; Available Online: **10.11.2022**

** These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

Research writing on the elements of culture has been the focus of many scholars. However, writing that focused on cultural elements in the visual arts has received less attention. Intrinsic elements in artworks are very important for the public to understand what the artist wants to convey. Thus, in preserving the culture, this writing focuses on cultural elements in visual arts. Due to a number of issues, including the false perception of the concept of "Islam and Malay," despite the fact that it also has a universal connotation, the implementation of DKK 1971 is still perceived as having failed to bring together the various races and ethnicities in Malaysia. The objective of this writing is to identify cultural elements in visual arts through a review of past paper writing and the second objective is to determine research gaps to be proposed as new issues for the future research. The methodology of this writing is to use a qualitative method. The results of the review of past paper writing are used to identify the cultural elements in visual arts. This writing is focused on data collection through close reading, text content and making interpretations. The results of the findings show, most of the artworks have been focused on environmental themes, Malay design motifs such as batik, Malay textiles and the way of life by the Malay

community. Only a few researches have focused on the use of oral literature in the visual arts. Therefore, the next study to focus is the use of oral literary elements in visual arts that should be highlighted in preserving Malay culture.

Keywords: *Visual Arts, Elements, Culture*

PENGENALAN

Karya- karya catan, cetakan, arca, instalasi, video, lukisan dan sebagainya secara asasnya adalah merupakan seni rupa atau seni visual. Menurut Abdul Halim (2014), seni rupa merupakan penghasilan objek- objek yang melibatkan elemen- elemen asas seperti warna, jalinan, garisan, ruang, tona, bentuk, rupa, ragam hias yang diolah menggunakan bahan tertentu dan melibatkan ekspresi perasaan, citarasa, ilham, dan juga kemahiran yang tersendiri. Manakala, kebudayaan merujuk kepada pelbagai aspek kehidupan, cara- cara bertingkah laku, kepercayaan- kepercayaan dan sikap- sikap dan juga hasil dari kegiatan manusia yang khas untuk suatu masyarakat atau untuk kumpulan penduduk tertentu (Abdul Halim, 2014). Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah diadakan pada tahun 1971 bertujuan untuk menekankan aspek identiti kebudayaan lokal selepas peristiwa berdarah iaitu rusuhan kaum yang terjadi pada 16 Mei 1969. Justeru, ia diadakan untuk menyatupadukan kaum dan etnik di Malaysia. Melalui budaya, masyarakat disini dapat dibezakan dengan masyarakat ditempat lain. Justeru, rentetan daripada peristiwa (DKK 1971) seniman cenderung menghasilkan karya- karya bercirikan nilai budaya lokal.

“Tiga prinsip penting ditetapkan dan diterima oleh kerajaan sebagai dasar kebudayaan negara pada tahun 1971 iaitu pertama kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kedua, unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dan ketiga Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan budaya kebangsaan. Ia membawa matlamat mengukuhkan perpaduan kaum melalui kebudayaan kebangsaan, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan dan seterusnya memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.” (Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971)


Berikutan dari peristiwa tersebut lahir Seminar Akar- Akar Kesenian Pribumi dan Perkembangan Kini (1979) dibawah penganjuran Institut Teknologi MARA (ITM), kebanyakan seniman mula sedar tentang nilai warisan dan identiti kebudayaan lokaliti. Mereka menunjukkan minat dalam menghasilkan karya yang bertemakan tradisi kemelayuan. Beberapa pelukis mula mendapat sumber idea dengan meminjam elemen budaya lokal seperti motif seni, alam dan flora, tekstil, sastera dan sebagainya untuk menghasilkan karya mereka. Walaubagaimanapun, tren ini menurun apabila perkembangan seni tanah air melalui fasa modernisasi dan globalisasi hari demi hari. Dalam penghasilan karya seni, ianya melibatkan proses kreativiti. Unsur tersirat dalam sesebuah karya amat penting untuk masyarakat memahami apa yang ingin disampaikan oleh seniman. Oleh itu, elemen kebudayaan dalam seni rupa adalah relevan untuk dijadikan subjek kepada seniman dalam menghasilkan karya. Ini juga bertujuan untuk mengangkat kebudayaan masyarakat dalam menghadapi cabaran globalisasi dunia yang serba moden hari ini. Justeru, penulisan ini adalah untuk mengenalpasti elemen kebudayaan dalam seni rupa melalui tinjauan penulisan kertas kerja yang lepas dan objektif kedua iaitu menentukan jurang kajian untuk dicadangkan sebagai isu baru bagi penyelidikan akan datang.

PEMASALAHAN KAJIAN

Pelaksanaan DKK 1971 masih tidak berjaya dalam menyatukan kaum dan etnik yang pelbagai di Malaysia kerana beberapa faktor seperti salah tanggapan konsep 'Islam dan Melayu' itu sendiri. Justeru itu, untuk memartabatkan dan melestarikan kebudayaan kebangsaan, penggunaan unsur-unsur budaya dalam seni rupa boleh diterapkan. Aspek identiti harus kita kekalkan untuk perkembangan seni masa kini. Permasalahan ini menjadi lebih parah apabila kebanyakan seniman kini lebih cenderung dalam menghasilkan karya-karya bersifat kontemporari. Unsur-unsur pengaruh budaya luar telah menjadi ilham kepada kebanyakan seniman untuk penghasilan karya mereka.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan mengumpulkan data penulisan yang lepas melalui kaedah bacaan rapi, melihat kandungan teks dan membuat interpretasi. Ia dapat disesuaikan dengan reka bentuk penyelidikan ini. Analisis data dilakukan secara membuat interpretasi, mengenalpasti nilai dan budaya, bentuk seni rupa dan subjek dan elemen kebudayaan. Seterusnya, hasil penemuan atau dapatan kajian diteliti secara terperinci dalam mengenalpasti elemen kebudayaan dalam seni rupa dan menentukan jurang penyelidikan sebagai isu untuk dikupas.



Rajah 1. Rekabentuk Kajian

ANALISA & DAPATAN

Objektif pertama, untuk mengenal pasti elemen kebudayaan dalam seni rupa melalui tinjauan penulisan kertas kerja yang lepas. 15 penulisan kertas kerja yang berkaitan elemen kebudayaan telah dikenalpasti. Daripada 15 penulisan, ia dibahagikan kepada tajuk penulisan, interpretasi, nilai dan budaya, bentuk seni rupa, subjek dan elemen kebudayaan dan dapatan kajian. Kebanyakan penulisan mengkaji karya- karya catan pelukis di Malaysia.

Jadual 1. Analisa

Tajuk Penulisan	Interpretasi	Nilai Dan Budaya	Bentuk Seni Rupa	Subjek Dan Elemen Kebudayaan	Dapatan Kajian
Muhammad Salehuddin bin Zakaria dan Hairulnisak binti Merman. (2021) <i>Tajuk: Exploring the Malayness of Mastura Abdul Rahman's Painting</i>	Penulisan berkaitan catan oleh seniman Mastura Abdul Rahman.	Identiti Melayu dan sosio budaya ditekankan dalam setiap karya yang dijelmakan.	Karya- karya catan oleh seniman Mastura Abdul Rahman.	Motif-motif batik Melayu, senibina warisan rumah Melayu.	Penggunaan imej dalam catan- catan yang telah dianalisis menunjukkan penggunaan kesenian tradisional Melayu yang membawa makna tentang agama dan kebudayaan Melayu.
Siti Nur Balqis Abdul Halim dan Sarena Abdullah. (2020) <i>Tajuk: Reaksi terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan: Analisis Pameran Seni Towards Mystical Reality 1974 dan Rupa dan Jiwa 1979</i>	Membincangkan pengaruh (DKK) 1971 kepada pembangunan artistik di Malaysia.	Entiti keperibumian (Melayu), estetika seni rupa tradisi Melayu.	Karya- karya seni dalam Pameran (Towards a Mystical Reality 1974) dan (Rupa dan Jiwa 1979)	Tekstil Melayu, seni ukiran Melayu dalam alat kegunaan harian seperti alat pertukangan seniman Melayu. Seni Bina, seni ukiran, seni pasu, sulaman dan tenunan Melayu.	Karya yang bertemakan tradisi kemelayuan untuk menjawab persoalan identiti kebangsaan dan kesan terhadap kegiatan pameran seni lokal.
Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhaizilah Idris dan Khairunnisa Mohd Abd Ghani. (2019) <i>Tajuk: Gagasan Melayu dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan</i>	Kertas kerja yang membincangkan perlambangan kepada kemelayuan termasuk nilai-kesenian yang diwarisi, budaya tradisi dan agama yang ditransformasikan	Seni warisan bangsa melalui seni dekoratif.	Karya-karya oleh Khatijah Sanusi, Fatimah Chik, Mastura Abdul Rahman.	Imej motif batik, corak perulangan seperti geometrik Islam, objek kraf Melayu serta motif- motif pribumi.	Mengangkat seni dekoratif sebagai inovasi kepada pelukis dalam memperkayakan kebudayaan warisan bangsa.

	ke dalam bentuk catan.				
Sarena Abdullah dan Siti Khadijah Elham.(2019) <i>Tajuk: Culture and Identity in Selected New Media Artworks in Malaysia 1993-2007</i>	Konteks analisis berasaskan aspek identiti dan kebudayaan dalam praktis Seni Halus.	Nilai dan persepsi terhadap masyarakat Melayu.	Karya-karya yang menggunakan media baru (video dan instalasi) oleh Hasnul Jamal Saidon, Liew Kungyu, Niranjana Rajah, Yee I-Lann dan T.C.Liew.	Video kritikan tingkahlaku dan negativiti oleh segelintir orang terhadap masyarakat di Malaysia. Mengambil aspirasi peribahasa ‘katak di bawah tempurung’ untuk menghasilkan karya.	Pendekatan media baru (teknologi dan komunikasi) bertemakan identiti kebudayaan. Menggunakan tema tradisi dalam penghasilan karya <i>new media</i> .
Khairunnisa Mohd Abdul Ghani, Sharmiza Abu Hassan, Haslinda Abd Razak, Siti Nur Izaura Mohd Razis dan Siti Hawa Kasim. (2019) <i>Tajuk: A Study of ‘Pantuns’ in the Modern Malaysian Art</i>	Kertas kerja membincangkan tentang penggunaan Sastera Melayu Lama sebagai sumber dalam menghasilkan karya.	Nilai pemikiran adab dan budi masyarakat Melayu melalui Peribahasa Melayu iaitu Pantun.	Karya- karya catan oleh seniman Mohd Tajuddin Gendut dan Ramli Salleh sekitar Pameran Tampannya Budi	Karya- karya catan dizahirkan melalui manifestasi daripada genre kesusasteraan Melayu (Peribahasa) iaitu Pantun.	Membahaskan tentang keintelektualan masyarakat Melayu dalam berbahasa dengan menggunakan pantun sebagai alat komunikasi (untuk menasihati dan mendidik)
Fazlina Mohd Radzi dan Azahar Harun. (2019) <i>Tajuk: Kartun bertemakan Dakwah Islamiyah atas Talian: Interpretasi Dakwah Satira dan Sarkastik</i>	Kertas kerja yang membincangkan tentang impak kartun indie yang dijadikan sebagai penyampaian dengan menggunakan pendekatan pengisian berbentuk dakwah Islam.	Nilai budi dan adab dengan menerapkan unsur pengajaran dan pembelajaran.	Karya-karya kartun editorial oleh MfrStudio dan Imanemex.	Imej- imej kartun budak lelaki yang sedang berdakwah dan memakai lebai melambangkan seorang yang sedang berusaha untuk memperbaiki dirinya dan masyarakat.	Menggunakan kartun sebagai wadah penyampaian unsur pengajaran dan pembelajaran (dakwah)
Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana AminNudin, Nur Hasliza Abdulah dan Arseha Karimon (2019) <i>Tajuk: Unsur Melayu Dalam</i>	Kertas kerja kajian yang memfokuskan unsur- unsur Melayu dalam karya seni digital sekitar Pameran RASAI 2018.	Memfokuskan elemen senibina warisan Melayu di Melaka, seni pertahanan diri tradisional dan pakaian	Karya- karya seni digital oleh Fadhly Mohammad Shariff, Sharina Samsuri dan Walid	Pengelohan imej- imej motif jubin tangga batu rumah tradisional Melaka, rekabentuk senibina masjid Tengker Melaka	Karya-karya bertema warisan tradisi dalam melambangkan identiti tempatan di negeri Melaka khususnya.

Karya Seni Digital. Kajian kes: Pameran RASA II, 2018.		tradisional Melayu	Muhammad Syaffrein.	dan seni pertahanan diri Melayu (silat) dan pakaian tradisional Melayu iaitu Baju Melayu Teluk Belanga.	
Shahariah Mohamed Roshdi, Abd Rasid bin Ismail, Mohd Haniff Mohd Khalid, Azahar Harun, Nor Syuhada Ahmad Rashidi dan Siti Nur Aliah binti Abd Rasid. (2018) <i>Tajuk: Interpretation of Cultural and Environmental Issue as a Theme in Malaysian Contemporary Painting since 1960</i>	Kertas kerja kajian yang membincangkan tentang interpretasi isu budaya dan persekitaran sebagai tema catan kontemporari di Malaysia dari tahun 1960.	Isu persekitaran sebagai sumber inspirasi.	Karya- karya catan di atas batik.	Analisis karya-karya yang bertemakan isu persekitaran dan budaya. Imej- imej alam semulajadi, Wanita Melayu memakai batik, pemandangan di kampung, imej ikan laga(permainan tradisional).	Pemandangan motif flora dan fauna menjadi tema utama untuk menghasilkan karya yang bersifat pengetahuan dari pengalaman yang berlaku di sekeliling.
Sarena Abdullah. (2017) <i>Tajuk: The Environment As A Theme In Malaysian Art.</i>	Membincangkan tentang isu kesedaran kualiti persekitaran.	Visual dokumentasi dari pemikiran dan perasaan oleh artis Malaysia dalam melalui cabaran urbanisasi serta kesedaran kepada isu persekitaran.	Karya- karya seniman Ahmad Shukri Mohamed, Nirmala Shanmulingam, Redza Piyadasa, Bayu Utomo Radjikin, Ilham Fadhly Mohd Shaimy, Hamir Soib, Kok Yew Puah, Wong Hoy Cheong.	Memaparkan lanskap semulajadi gunung ganang, kehidupan di lautan, bangunan- bangunan lama, basikal tua, ikan sepat, kegiatan membalak, pahlawan tradisi di Borneo.	Membahaskan tentang isu- isu persekitaran yang berlaku di Malaysia seperti kegiatan haram pembalakan, pemandangan di gunung, simbol masyarakat yang mencerminkan identiti moden masyarakat Melayu.
Nurin Elani Makrai, Nur Fatiyah Roslan, Ayuffeirah Mislan dan Farhanah Abu Sujak. (2015) <i>Tajuk: Seni Kontemporari: Prospek Mendokumentasi</i>	Penulisan yang membincangkan mengenai kesan pengaruh dan penggunaan stiker di kepada golongan muda masyarakat Melayu.	Unsur- unsur identiti masyarakat Melayu.	Koleksi stiker Momoi Girl Ver.2, Favourite Phrases Plan-It Planner Stickers, Hijabi Sticker	Imej- imej penggunaan hijab anime berkarakter, penggunaan bahasa, cara hidup untuk memberi tema islamik.	Kesan pengaruh karakter anime dari Jepun dan Korea telah diadaptasikan ke dalam penghasilan bentuk dan gaya stiker tempatan.

Identiti Masyarakat Melayu Melalui Ilustrasi Stiker			set by Khudeejuh.		
Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian, Ahmad Rashidi Hasan dan Jasni Dolah. (2015) Tajuk: Analisis Formalistik Dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu	Kertas kerja yang membincangkan simbol budaya Melayu dalam seni catan dengan menggunakan unsur formalistik untuk menganalisa data.	Seniman yang mengangkat tema seni warisan budaya tempatan di dalam catan mereka.	Karya- karya catan oleh Chuah Thean Teng, Amron Omar, Mastura Abdul Rahman, Yeong Siak Leng	Imej- imej pertarungan (seni pertahanan diri tradisional- silat), aktiviti di musim buahan, hiasan dalaman rumah Melayu bersama ukiran kayu, unsur dekoratif batik dan tekstil sebagai simbol budaya Melayu	Kesenian tradisi Melayu seperti seni mempertahankan diri, hiasan dalaman rumah Melayu tradisi dan aktiviti masyarakat Melayu.
Azahar Harun (2015) Tajuk: Representasi Imej Kampung dalam Iklan Video Hari Raya 2014 <i>PETRONAS</i>	Membincangkan bagaimana imej kampung direpresentasikan dalam sebuah iklan video sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014, <i>PETRONAS</i> .	Suasana muafakat, kesungguhan dan kerajinan masyarakat Melayu dalam persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri.	Video iklan berjudul 'Pulang ke Pangkuan Ibunda'	Memaparkan imej permainan tradisional 'teng-teng', suasana persediaan menyambut perayaan Aidilfitri. Peralatan tembaga masyarakat Melayu, rumah tradisional Melayu, makanan tradisional orang Melayu iaitu ketupat, lemang, dodol dan rendang daging	Nilai- nilai murni dalam masyarakat telah diterapkan. Suasana keindahan kampung yang membawa perasaan nostalgia kepada penonton menerusi keindahan budaya dan lanskapnya.
Ahmad Zuraimi dan Rosli Zakaria (2015) Tajuk: Menjual Budaya Lokal dalam Pameran Seni Art Edu Care#5	Kertas kerja yang menganalisis karya- karya oleh seniman terkenal tanah air yang mengambil bahagian dalam Pameran Art EduCare#5 Local Movement.	Nilai- nilai murni dalam sesebuah keluarga, masyarakat kampung serta warisan kebudayaan yang masih diteruskan.	Karya- karya Rosli Zakaria, Ahmad Zuraimi, Diana Ibrahim, Shahariah Mohamed Roshdi dan Mohd Saharuddin Supar.	Imej- imej rumah kampung, masjid, papan tanda, poskad	Mengangkat tema lokal dan warisan untuk didokumentasikan dalam bentuk penulisan dan visual.
Wan Nur Khalisah Shamsudin, Lili	Penulisan yang memfokuskan	Mengetengahkan makanan	Karya- karya seni digital	Pengolahan peria katak melalui	Penggunaan imej bahan-

<p>Eliana Mohd Radzuan, Azahar Harun, Rafuzan Jaafar, Anith Liyana Amin Nudin, Nik Narimah Nik Abdullah, Ariff Ali, Mohd Fauzi Harun, Muhammad Nur Firdaus Nasir dan Norsharina Samsuri.(2014) <i>Tajuk:Promoting the local content through the creative process of digital art technique- A Case Study of 'RASA' Exhibition in 2013.</i></p>	<p>kepada karya seni digital untuk mempromosikan kebudayaan tempatan di Pameran 'RASA' 2013.</p>	<p>dan pakaian tradisional Baba Nyonya tempatan (Melaka) sebagai subjek kebudayaan tempatan.</p>	<p>oleh Anith Liyana, Wan Nur Khalisah, Nik Narimah, Rafuzan, Muhd Nur Firdaus, Azahar Harun, Sharina Samsuri, Lili Eliana, Muhd Fauzi dan Ariff Ali.</p>	<p>motif batik dan daun sup di kebaya. Imej- imej lain antaranya lengkuas, halia, asam keeping, lada hitam,daun sup, bunga lawang dan cili merah antara bahan- bahan yang penting dalam masakan Melayu, Cina dan India.</p>	<p>bahan rempah ratus sebagai elemen utama dalam kebanyakan resipi makanan masyarakat di Malaysia. Pakaian tradisional tempatan serta kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia juga dijadikan perlambangan kepada unsur kebudayaan tempatan.</p>
<p>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhozilah Idris, Nur Hasliza Abdulah dan Salmah Ali. (2014) <i>Tajuk: Budaya Kebangsaan Dalam Karya- Karya Seni Kartun Editorial Pra dan Pasca Merdeka.</i></p>	<p>Kertas kerja membincangkan unsur budaya kebangsaan dan budaya harmoni 1Malaysia menerusi karya- karya kartun editorial pra dan pasca merdeka.</p>	<p>Mengetengahkan pengisian isu- isu semasa yang berlaku berkaitan dengan politik, sosial, kebudayaan, pendidikan, keagamaan dan sosio-ekonomi masyarakat.</p>	<p>Karya- karya kartun editorial oleh S.B. Ally, Abdullah Abas, Lat, dan Zoy.</p>	<p>Memasukkan unsur- unsur peribahasa dan pantun, tulisan jawi, kehidupan masyarakat di kampung dan bandar serta imej- imej tipikal masyarakat Melayu ketika itu.</p>	<p>Menampilkan nilai budaya kebangsaan dalam mengenal santun dan budi masyarakat Melayu yang berbudaya.</p>

Objektif kedua adalah menentukan jurang kajian untuk dicadangkan sebagai isu baru untuk penyelidikan akan datang. Daripada 15 kertas kerja yang berkaitan dengan elemen kebudayaan dalam seni rupa, kebanyakan isu penyelidikan yang difokuskan adalah tentang penghasilan karya seni rupa yang berunsurkan tema persekitaran, motif-motif rekaan corak Melayu seperti batik, tekstil Melayu dan cara hidup masyarakat Melayu. Hanya 2 kertas kerja sahaja yang menjurus kepada penggunaan sastera dalam seni rupa iaitu penulisan Sarena (2019) dalam *Culture and Identity in Selected New Media Artworks in Malaysia 1993-2007* dan Khairunnisa (2019) menerusi *A Study of 'Pantuns' in the Modern Malaysian Art*.Maka, penggunaan elemen sastera lisan dalam seni rupa patut diberi perhatian dalam penulisan- penulisan yang akan datang.

KESIMPULAN & CADANGAN

Kesimpulannya, penulisan berkaitan elemen kebudayaan dalam seni rupa harus diteliti dan diperbanyakkan sebagai sumber informasi pada generasi akan datang. Penggunaan elemen sastera lisan dalam seni rupa patut diketengahkan dalam melestarikan kebudayaan Melayu di Malaysia. Walaupun terdapat banyak pameran- pameran yang mengintergrasikan antara sastera dan seni visual namun pengkajian atau penulisan yang berkaitan bidang ini masih kurang dijalankan.

RUJUKAN

- Ahmad Zuraimi Abd. Rahim, & Rosli Zakaria. (2015). *Menjual Budaya Lokal dalam Pameran Seni Art Edu Care#5 LIAC VS SOLO*. UiTM Melaka: Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
- Abdul Halim Hussain. (2014). *Seni Pendidikan & Kebudayaan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penerbitan Malim Sarjana.
- Azahar Harun. (2015). *Representasi Imej (Kampung dalam Iklan Video Hari Raya 2014 PETRONAS). LIAC VS SOLO*. UiTM Melaka: Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
- Azian Tahir. (2009). *National Culture Congress, The Impact to the Malaysian Artist Artwork*. <http://penulisansenihalus.blogspot.my/2009/04/national-culture-congress-impact-to.html>
- Fazlina Mohd Radzi, & Azahar Harun. (2021) *Kartun bertemakan Dakwah Islamiyah atas Talian: Interpretasi Dakwah Satira dan Sarkastik*. 50-61. <http://ejitu.uitm.edu.my/e>
- Khairunnisa Mohd Abdul Ghani. (2019). *A Study of 'Pantuns' in the Modern Malaysian Art*, Volume 1,39-45. <https://melaka.uitm.edu.my/ijad>
- Liza Marziana Mohamad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian, Ahmad Rashidi Hasan, & Jasni Dolah. (2015). *Analisis Formalistik Dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu*, <https://www.researchgate.net/publication/290867518>.
- Liza Marziana Mohamad Noh, Nurkhozilah Idris, & Khairunnisa Mohd Abdul Ghani. (2019). *Gagasan Melayu dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan*,34-43. Jurnal Inspirasi Seni Intelektual.
- Muliyadi Mahamood. (2004). *Seni Lukis Moden Malaysia: Era perintis hingga era pluralis 1930-1980*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Muhammad Salehuddin Zakaria, & Hairulnisak Merman. (2021). *Exploring the Malayness of Mastura Abdul Rahman's Painting*,47-55. <https://melaka.uitm.edu.my/ijad>
- Nurin Elani Makrai, Nur Fatiyah Roslan, Ayuffeirah Mislan, & Farhanah Binti Abu Sujak. (2015). *Seni Kontemporari: Prospek Mendokumentasi Identiti Masyarakat Melayu Melalui Ilustrasi Stiker LIAC VS SOLO*. UiTM Melaka.Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
- Redza Piyadasa. (1981). *Pengolahan Landskap Tempatan Dalam Seni Moden Malaysia 1930-1981*. Kuala Lumpur: Muzium Seni Negara

- Sarena Abdullah. (2012). *The Environment as a Theme in Malaysian Art*. 261-280. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 17(1), 261-280.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jati/article/view/5958>
- Sarena Abdullah, & Siti Khadijah Elham. (2019). Culture and identity in selected new media artworks in Malaysia 1993-2007. *Journal of Visual Art and Design*, 11(1), 19–34.
<https://doi.org/10.5614/j.vad.2019.11.1.2>
- Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohamad Noh, Nurkhazilah Idris, Nur Hasliza Abdullah. (2014). *Budaya Kebangsaan Dalam Karya- Karya Seni Kartun Editorial Pra dan Pasca Merdeka*. ISME Colloquium. UiTM Melaka: Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
- Shahariah Mohamed Roshdi, Abd Rasid Ismail, Mohd Haniff Mohd Khalid, Azahar Harun, Nor Syuhada Ahmahrashidi, & Siti Nur Aliah Abd. Rasid. (2018). Interpretation of cultural and environmental issue as a theme in Malaysian contemporary painting since 1960. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11).
<https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i11/4949>
- Siti Nur Balqis Abdul Halim, & Sarena Abdullah. (2020). *Reaksi terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan: Analisis Pameran Seni Towards Mystical Reality 1974 dan Rupa dan Jiwa 1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Nur Khalisah Shamsudin. (2014). *Promoting the local content through the creative process of digital art technique- A Case Study of 'RASA' Exhibition in 2013*. ISME Colloquium. UiTM Melaka. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka.
- Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin, Nor Arseha Karimon. (2019). *Unsur Melayu Dalam Karya Seni Digital. Kajian kes: Pameran RASA II, 2018*. Seminar Antarabangsa Sastera & Kebudayaan. Universiti Putra Malaysia.
- Yusof Ismail, & Khayati Ibrahim. (1993). *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia: Tinjauan Menyeluruh.. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen*
- Zakaria Ali. (1989). *Seni dan Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ali. (1991). *The Malaysianess of Malaysia Art: The Question of Identity, Kemalaysiaan Senilukis Malaysia: Soal Identiti*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.